

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022  
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. LKAN ini melaporkan tiga tajuk pengauditan prestasi mengenai aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri melibatkan kos keseluruhan aktiviti berjumlah RM1.369 bilion. Jumlah modal berbayar secara keseluruhan bagi dua tajuk pengauditan syarikat Kerajaan negeri adalah berjumlah RM47.25 juta. Butiran lanjut bagi pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Bagi Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sarawak**

Pengauditan Prestasi telah dilaksanakan terhadap dua kementerian, tiga jabatan dan satu agensi melibatkan tiga tajuk.

**a. Pengurusan Projek Bekalan Air Alternatif Sarawak (SAWAS) Fasa 2 di Bawah Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak (MUTS) dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) [Peruntukan RM97.67 juta]**

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan projek seperti berikut:

**i. Pencapaian Output**

Tempoh penyiapan projek SAWAS Fasa 2 mendapati 22 pakej yang dirancang hanya 13 pakej telah siap dan sembilan pakej masih dalam tempoh pelaksanaan.

**ii. Pencapaian Keberhasilan**

Keberhasilan diukur berdasarkan sasaran Projek SAWAS Fasa 2 masih belum dicapai kerana hanya 25 daripada 52 kampung yang menikmati air bersih dan selamat. Kualiti air untuk lima pakej projek yang dilawati mendapati bagi kelima-lima pakej projek, bacaan parameter Biochemical Oxygen Demand (BOD) dan Organisma Koliform serta bacaan parameter *potential of hydrogen* (pH) bagi satu pakej iaitu Wilayah Selatan Pakej 3 (WSP3) melebihi Piawaian Kuantiti Air

Minuman Kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

### **iii. Pengurusan Projek**

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan projek adalah seperti berikut:

- perancangan projek mendapati kerja penyiasatan tanah tidak dibuat dengan terperinci menyebabkan kelewatan 194 hari dan melibatkan kerja tambahan sejumlah RM381,335;
- perunding mengesahkan kerja kontraktor sejumlah RM2.82 juta sebelum dilantik; dan
- caj premium Bon Pelaksanaan berjumlah RM265,356 belum dikutip balik.

### **b. Program Pembangunan Agromakanan di Bawah Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) [Peruntukan RM46.20 juta]**

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan projek seperti berikut:

#### **i. Pencapaian Output**

Pencapaian output adalah kurang memuaskan berikutan prestasi fizikal Pusat Inkubator Wilayah Utara yang masih belum dapat disiapkan sepenuhnya.

#### **ii. Pencapaian Keberhasilan**

Pencapaian keberhasilan adalah kurang memuaskan daripada aspek pendapatan usahawan berikutan bilangan usahawan berpendapatan melebihi RM4,000 sebulan masih rendah iaitu seramai 291 (22.1%) daripada 1,315 usahawan. Aspek pemasaran produk dan kemahiran usahawan adalah memuaskan berikutan lima usahawan berjaya memasarkan produk di pasar raya besar dalam dan luar Sarawak dengan nilai jualan sejumlah RM12.72 juta. Aspek kemahiran usahawan juga memuaskan dengan seramai 6,707 usahawan dan 367

pelatih menghadiri kursus serta latihan di pejabat pertanian bahagian dan Pusat Latihan Agromakanan. Seramai lapan usahawan memiliki pensijilan Halal dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri serta 10 pelatih Pusat Latihan Agromakanan masih meneruskan perusahaan berasaskan kemahiran yang diperoleh sebagai usahawan program.

### **iii. Pengurusan Program**

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan projek adalah seperti berikut:

Pengurusan program adalah memuaskan dari aspek prestasi kewangan, perolehan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan untuk program bantuan dan pemilihan usahawan. Bagaimanapun, bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan sebanyak 55 unit tidak digunakan serta dua premis masih belum siap dibina oleh usahawan di Bahagian Serian dan Betong.

### **c. Projek Jalan Akses ke Empangan Hidro Baleh, Bahagian Kapit Sarawak di Bawah Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) [Peruntukan disalurkan kepada Agensi Pelaksanaan JKR Sarawak bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Disember 2022 adalah sejumlah RM1.225 bilion]**

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan projek seperti berikut:

#### **i. Pencapaian Output**

Pelaksanaan Projek Jalan Akses adalah kurang memuaskan kerana projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang dibenarkan dalam kontrak. Sebanyak enam fasa atau 40% daripada 15 fasa dengan harga kontrak berjumlah RM532.91 juta masih belum siap serta lewat jadual antara 608 hingga 956 hari melebihi tarikh siap baharu. Sebanyak 315 hingga 536 hari tempoh Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) telah diluluskan dan 819 hari Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM15.92 juta telah dikenakan.

## **ii. Pencapaian Keberhasilan**

Pencapaian keberhasilan bagi Projek Jalan Akses belum dapat diukur oleh RECODA kerana projek masih belum siap sepenuhnya. Sehubungan itu, objektif projek untuk menyediakan jalan akses ke tapak Empangan Hidro Baleh masih belum tercapai setakat bulan Disember 2022.

## **iii. Pengurusan Projek**

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan projek adalah seperti berikut:

- kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat kerja yang tidak mengikut spesifikasi. Arahan Perubahan Kerja dilaksanakan tanpa kelulusan Pegawai Penguasa; dan
- penyediaan spesifikasi kontrak adalah kurang memuaskan kerana berlaku hakisan disebabkan oleh tiada kerja perlindungan hakisan yang dimasukkan dalam spesifikasi kontrak.

## **1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak**

### **a. SALCRA Jaya Sdn. Bhd. (SJSB) di Bawah Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) [Modal berbayar: RM10 juta]**

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

#### **i. Pencapaian Output**

- keuntungan sebelum cukai bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 tidak tercapai;
- prestasi aktiviti pembangunan ladang kelapa sawit kurang memuaskan dari aspek tempoh pelaksanaan; dan
- prestasi muatan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah memuaskan manakala bagi penggunaan kenderaan adalah kurang cekap antara 46.8% hingga 66.1% bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

## **ii. Pencapaian Keberhasilan**

- keuntungan terkumpul SJSB berjumlah RM8.22 juta pada akhir tahun 2022; dan
- dividen berjumlah RM0.30 juta telah dibayar kepada pemegang saham bagi tahun kewangan 2021.

## **iii. Pengurusan Aktiviti**

- kenderaan treler tidak digunakan secara optimum; dan
- tiada SOP dan garis panduan khusus bagi pengurusan kenderaan.

## **iv. Tadbir Urus Korporat**

SJSB telah mengamalkan enam daripada lapan aspek tadbir urus korporat kecuali SOP dan penetapan tempoh jawatan Pengerusi.

## **b. Damai Cove Resorts Sdn. Bhd. (DCRSB) di Bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) [Modal berbayar: RM37.25 juta]**

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

### **i. Pencapaian Output**

- aktiviti perhotelan Damai Lagoon Resort masih belum dijalankan disebabkan kelewatan penyediaan kerja membaik pulih dan menaik taraf; dan
- sasaran kuantiti pengeluaran kayu balak tidak dicapai bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022.

### **ii. Pencapaian Keberhasilan**

Pendapatan daripada aktiviti penjualan kayu balak menunjukkan trend yang menurun bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022.

### **iii. Pengurusan Aktiviti**

Perjanjian dengan kontraktor pengeluaran dan penjualan kayu balak masih-belum diperbaharui sejak tamat pada 28 Januari 2008.

### **iv. Tadbir Urus Korporat**

Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya adalah Prosedur Operasi Standard (SOP).

2. Secara keseluruhannya, sebanyak 21 syor Audit telah diberikan bagi Pengauditan Prestasi dan Syarikat iaitu enam syor kepada JBALB, tiga syor kepada JPS, tiga syor kepada JKR, lima syor kepada SJSB dan empat syor kepada DCRSB.